

10.6.2021_Berita Harian_Sektor Ekonomi Kritikal Turut Diberi Vaksin

Sektor ekonomi kritikal turut diberi vaksin

Kuala Lumpur: Kerajaan akan melaksanakan pemberian vaksin kepada sektor ekonomi kritikal, termasuk yang perlu beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerusi Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin, berkata antara industri yang terbahit dalam fasa itu terdiri sektor pembuatan, eksport, logistik, pengangkutan, tenaga, utiliti dan lain-lain.

"Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) sedang bekerjasama dengan Kementerian berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta agensi kerajaan lain untuk melaksanakan fasa ini.

"Kita juga akan bekerjasama

dengan anak syarikat Kementerian Kesihatan (KKM), Protection Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) bagi menguruskan pengendalian vaksinasi kepada sektor industri ini, sekaligus mempercepatkan PICK dalam kalangan industri," katanya pada sidang media mingguan perkembangan PICK, di sini semalam.

Beliau berkata, kira-kira 60 peratus warga emas yang berdaftar menerusi PICK juga akan selesai divaksin atau menerima vaksin pada pertengahan bulan ini.

"Setakat ini, seramai 2,256,257 juta warga emas sudah berdaftar untuk menerima vaksin dan daripada jumlah itu, 855,124 sudah menerima dos pertama, manakala 436,244 menerima janji temu mereka sehingga 15 Jun ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, perolehan vaksin seterusnya membabitkan jenis Pfizer, iaitu sebanyak

444,600 dos menjadikan kumulatif yang diterima setakat ini sebanyak 3,641,040 dos.

"Sebanyak 225,810 dos akan diterima pada 16 Jun, diikuti 161,800 dos (17 Jun) dan 26,910 dos (18 Jun). Bagi vaksin Sinovac pula sebanyak 318,280 dos *fill and finish* dan 500,000 dos siap guna sudah mendapat kelulusan daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) semalam (kelmarin).

"Pagi ini (semalam), tambahan 319,690 dos lagi mendapat kelulusan NPRA dan semuanya akan diserahkan kepada KKM minggu ini," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata kerajaan juga akan memperluas inisiatif Trak Vaksin Bergerak, terutama di kawasan kategori merah di sekitar Lembah Klang dalam usaha meningkatkan kadar pemberian vaksin COVID-19.

"Ini kerana, program perintis dilaksanakan di ibu negara baru-baru ini disifatkan berjaya.

Inisiatif Trak Vaksin Bergerak ini digerakkan kepada penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Muhibbah Isnin lalu dan kelmarin digerakkan ke tapak pembinaan MRT.

"Ia membabitkan 1,000 penerima di setiap lokasi dan kita mendapati program ini berjaya dan CITF merancang meningkatkan lagi jumlah Trak Vaksin Bergerak yang dapat digerakkan ke kawasan tertentu seperti PPR dan tapak industri," katanya.

Mengenai cadangan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung pendaftaran vaksin secara automatik bagi menambahkan PICK, beliau berkata pihaknya sedang meneliti cadangan itu.

"Apa yang penting memastikan proses pendaftaran secara automatik itu tidak rumit. Sebagai contoh, program vaksinasi secara *outreach* yang kita buat di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak memerlukan pendaf-

taran terlebih dulu melalui aplikasi MySejahtera.

"Kita beri vaksinasi, selepas itu kita masukkan data penerima vaksin dalam sistem untuk kita rekodkan. Jadi kelonggaran ini sudah diberi di lapangan, cuma pendaftaran automatik ini sedang kita teliti," katanya.

Mengulas titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menzahirkan rasa terkejut dan kecewa selepas dimaklumkan Selangor hanya menerima 615,210 dos vaksin sehingga 1 Jun lalu dan bukan 2.9 juta dos seperti didakwa sebelumnya, Khairy berkata, kerajaan akan meningkatkan pengagihan vaksin di negeri itu sebanyak 25 peratus dalam tempoh terdekat.

"Setakat ini, penghantaran vaksin pada minggu ini adalah 17 peratus daripada penghantaran ke seluruh negara dan sebab itu CITF membuat keputusan untuk meningkatkan pemberian vaksin di Selangor," katanya.